



23 Disember 2014

E. Idris

Dekan/Pengarah Akademi/Fakulti/Institut/Pusat
Ketua-Ketua Jabatan
Pengetua Kolej Kediaman
Timbalan-Timbalan Pendaftar

**SECARA
EDARAN**

Tuan/Puan,

**LARANGAN PENGLIBATAN STAF UNIVERSITI MALAYA SEBAGAI PENGANJUR
AKTIVITI POLITIK DI DALAM DAN LUAR NEGARA**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Dewasa ini, masyarakat di Malaysia semakin giat terlibat di dalam aktiviti-aktiviti berunsur politik dan didapati penglibatan staf dan pelajar Universiti Malaysia yang aktif tidak kira di dalam atau di luar negara.

Sehubungan itu, pihak Pengurusan Universiti amat memandang serius terhadap mana-mana tingkahlaku, tatalaku, perbuatan dan kelakuan yang tidak menjaga, memelihara dan mempertahankan kedaulatan dan maruah Negara, hormat serta patuh kepada undang-undang.

Adalah menjadi satu kewajipan staf Universiti Malaysia pada setiap masa memberikan taat setianya kepada Yang Di-Pertuan Agong, Negara, Kerajaan dan Universiti Malaysia.

Bagi memastikan kepentingan Universiti Malaysia tidak terjejas, Pengurusan Universiti telah memutuskan bahawa semua staf Universiti Malaysia termasuk yang sedang bercuti belajar, bercuti rehat, menghadiri seminar atau berkursus di dalam atau di luar negara untuk patuh kepada **Peraturan 20, Bahagian II, Jadual Kedua (Seksyen 5), Akta Badan-Badan Berkanun (Tatartertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)** serta tidak bergiat secara aktif sebagai penganjur dalam mana-mana aktiviti politik.

Kerjasama dari pihak tuan/puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

Yusoff Musa
YUSOFF MUSA
Pendaftar

sk Naib Canselor
Timbalan-Timbalan Naib Canselor
Bendahari
Ketua Pustakawan